



Presiden PEKA, Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil, Meor Razak serta anggota NGO bergambar di kawasan Rizab Tasik Bukit Merah yang baru diceroboh dan diteroka secara haram.

Penceroboh tanah rizab bermaharajalela

BH. 7/6/2016 ms. 33

➔ 5 NGO gesa pihak berkuasa elak kawasan sekitar Tasik Bukit Merah dieksploitasi

Oleh Yahya Awang
bhnews@bh.com.my

■ Bagan Serai

Lima badan bukan kerajaan (NGO) berkaitan alam sekitar menggesa pihak berkuasa supaya mengambil tindakan tegas terhadap penceroboh dan peneroka haram di tanah rizab Tasik Bukit Merah, dekat sini, yang didakwa semakin membimbangkan.

NGO terbabit ialah Sahabat Alam Malaysia (SAM), Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Persatuan Aktivis Sahabat Alam (KUSA), Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA) dan Pertubuhan Alam Sekitar Sejahtera Malaysia (GRASS).

Jurucakap kumpulan NGO berkenaan yang juga Pegawai Lapangan SAM, Meor Razak Meor Abdul Rahman, berkata pencerobohan dan penerokaan haram di kawasan itu dikesan sejak 15 tahun lalu.

Sehingga kini, katanya, diperca-

yai kira-kira 2,000 daripada 3,000 hektar tanah rizab diteroka dan diceroboh dengan tanaman kelapa sawit, limau dan tanaman kontan.

Beliau berkata, pencerobohan itu juga dipercayai dan didakwa menyumbang kepada kemerosotan paras air di kawasan Tasik Bukit Merah seperti yang dilaporkan sebelum ini.

"Rizab Tasik Bukit Merah tidak hanya penting sebagai punca bekalan air ke Tasik Bukit Merah, malah berperanan untuk mengawal banjir kerana sebahagian besar kawasan rizab terbabit adalah tanah lembab dan pamah yang berperanan sebagai kawasan limpahan banjir.

Usaha tanaman haram

"Tinjauan kami mendapati, penceroboh dan peneroka haram bukan sahaja membina jalan haram tetapi turut membina parit bagi mengeringkan air dari kawasan paya ke kawasan tadahan bagi membolehkan mereka menjalankan usaha tanaman haram," katanya kepada pemberita selepas membawa me-

Fakta
nombor

5 NGO

gesa pihak
berkuasa bertindak

2,000
HEKTAR

diceroboh
peneroka haram

dia meninjau kawasan berkenaan di sini, petang kelmarin.

Kawasan penerokaan haram itu terletak kira-kira 10 kilometer dari laluan utama ke Pondok Tanjung, berhampiran Kubu Gajah, Selama, dekat sini.

Katanya, kumpulan lima NGO itu juga berharap pihak berkuasa serius menguatkuasakan peruntukan undang-undang berkaitan pencerobohan dan penerokaan haram tanah kerajaan dan lain-lain tanah rizab mengikut Seksyen 425, Kanun Tanah Negara, 1965.

"Pihak berkuasa sama ada di peringkat daerah dan negeri perlu juga merujuk dan mematuhi dasar dan pelan perancangan fizikal sedia ada sekiranya hendak melaksanakan sesuatu pembangunan khususnya yang membabitkan perubahan status guna tanah.

"Demi kepentingan alam sekitar dan bekalan air yang terjamin, kami menggesa supaya pengeksploitasi dan penukargunaan tanah (tukar status guna tanah) di kawasan Rizab Tasik Bukit Merah dihentikan serta merta," katanya.